

# Asean digesa selesai sendiri isu Khmer

JAKARTA, Ahad — Menteri Luar Perancis, Claude Cheysson menyeru Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (Asean) menyelesaikan isu Kampuchea mengikut caranya sendiri tanpa campur tangan luar.

"Kami menyokong usaha di rantau ini adalah untuk rantau ini," kata Cheysson kepada para pemberita semalam di akhir lawatan tiga harinya ke Indonesia. "Masalah-masalah di rantau ini adalah lebih baik diselesaikan antara kamu semua."

Cheysson menyokong desakan

oleh Asean supaya semua tentera asing diundurkan dari Kampuchea dan langkah mengadakan pilihanraya bebas di negara itu.

"Butir-butir mengenai rancangan itu bukanlah urusan kami. Kami bukan dari rantau ini," kata Cheysson.

Perancis mengundi untuk menyokong usul ketetapan yang disyorkan oleh Asean di perhimpunan agung Bangsa-Bangsa Bersatu. Asean, kumpulan ekonomi serantau yang berusaha menyelesaikan isu Kampuchea.

Bercakap mengenai kemungkinan bantuan Perancis kepada Vietnam, Menteri Luar itu berka-

ta, ia tidak akan dilakukan selagi Vietnam tidak mengundurkan tenteranya dari Kampuchea, dan tidak dapat menjelaskan hutangnya.

"Saya mempelawa bantuan kepada Vietnam, kerana adalah tidak baik untuk bantuan seumpama itu disampaikan oleh sebuah negara sahaja. Tetapi, bantuan itu tidak akan diadakan selagi berlaku pencabulan dasar antarabangsa, seperti pendudukan tentera Vietnam di Kampuchea, kata Cheysson.

Menteri Luar itu juga mengulang keengganan Perancis untuk mengiktiraf kerajaan campuran Demokratik Kampuchea.

"Kerajaan Paris tidak akan mengiktiraf sebarang kerajaan yang disertai oleh Pol Pot, pemimpin kumpulan Khmer Rouge," kata Cheysson. "Apa yang Pol Pot telah lakukan tidak boleh dimaaf atau lupa."

Cheysson juga melahirkan rasa puas hati berhubung rundingan beliau dengan Presiden Suharto, Menteri Luar Indonesia, Mochtar Kusumaatmadja dan lain-lain pegawai kanan kerajaan. — UPI.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia